

888 graduan berjaya dilahirkan pada Konvokesyen PSA

WARTAWAN KAMPUS UOLS 9 March 2018



SHAH ALAM - Majlis Konvokesyen kali ke-20 Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) , Shah Alam berjaya melahirkan seramai 888 graduan yang terdiri daripada lulusan ijazah, diploma dan sijil.

Konvokesyen yang diadakan di Dewan Al-Jazari, pada 10 Februari lalu dilaksanakan secara dua sesi iaitu pagi dan petang.

Graduan terdiri daripada 244 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Awam, 234 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, 205 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan 205 graduan dari Jabatan Perdagangan.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, graduan program Ijazah adalah seramai 29 orang.

Pada masa sama, PSA sekali lagi mengukir sejarah kerana berjaya meraikan seramai 26 graduan sulung bagi program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Perubatan) dengan Kepujian selain daripada graduan Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dengan kepujian seramai tiga orang.